

MUZIUM BERUAS
DITUBUHKAN
PADA TAHUN 1995
UNTUK MENGUMPUL,
MENYELIDIK,
MEMELIHARA,
MEMPAMER, SERTA
MENERBITKAN SEJARAH
KEAGUNGAN KERAJAAN
GANGGA NEGARA,
BERUAS DAN MANJUNG,
DI SAMPING MEMBANTU
USAHA-USAHA KERAJAAN
DALAM MENGGALAKKAN
PELANCONGAN NEGARA.

Terletak di tengah-tengah pekan Beruas, Muzium Beruas merupakan bangunan Mahkamah Beruas yang telah diubah suai. Pada asalnya, bangunan muzium ini merupakan pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS kawasan Beruas. Melalui agensinya, Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia (JMAM), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-6 untuk membiayai penubuhan Muzium Beruas.

Muzium Beruas diserahkan oleh Ketua Pengarah Muzium Negara kepada Kerajaan Negeri Perak pada 23 Mei 1995. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan pada ketika itu, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib merasmikan Muzium Beruas pada 8 Disember tahun 1998, dan kemudiannya muzium ini dibuka kepada orang ramai tanpa bayaran masuk.

Sejarah penubuhan Muzium Beruas bermula pada tahun 1991 apabila kajian serta penyelidikan telah dilakukan terhadap Kerajaan Gangga Negara yang diberi nama "Projek Penelitian Sejarah Beruas Fasa 1", atas inisiatif Kerajaan Negeri Perak menerusi Yayasan Perak pada 25 November hingga 25 Disember tahun tersebut. Projek berkenaan turut didokong oleh JMAM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Kajibumi Ipoh, Persatuan Pengkaji dan Peminat Sejarah Daerah Manjung, guru sekolah di sekitar Beruas, persatuan rekreasi, serta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) di bawah pimpinan Profesor Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman.

Penemuan arkeologi serta kajian geomorfologi kawasan Sungai Beruas dan Manjung telah diteliti, dikaji dan direkodkan pada peringkat fasa satu projek penelitian

Sejarah Beruas

di dalam Sebuah Muzium



MUZIUM BERUAS
PERAK DARUL RIDZUAN



Koleksi pinggan dan mangkuk seramik yang bukan jumpaan, tetapi koleksi muzium.



Sebahagian daripada pengunjung Muzium Beruas mendengar penerangan ringkas oleh kurator muzium.



Batu penggiling yang ditemui di Kampung Pulau Meranti (kanan), lesung batu (tengah) dan pengisar tebu (kiri).

tersebut. Artifak yang ditemui oleh orang kampung dikaji semula. Beberapa artifak sejarah telah ditemui dan disimpan oleh Muzium Negara. Oleh itu, pihak JMAM merasakan kesemua penemuan tersebut perlu ditempatkan di sebuah muzium. Dari situlah wujudnya Muzium Beruas. Kajian seterusnya dibuat dari semasa ke semasa. Selepas urusan perjawatan, pengisian pameran, dan pembukaan kepada pelawat selesai, barulah Muzium Beruas dirasmikan.

Muzium Beruas dibuka pada setiap hari dari pukul 9.30 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada hari Jumaat, iaitu dari jam 9.30 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.45 hingga 5.00 petang. Muzium ini ditutup hanya pada dua hari, iaitu semasa sambutan Hari Raya Puasa dan sehari pada Hari Raya Haji.

Para pengkaji dan peminat sejarah selalu teruja dan ingin mengetahui siapakah pengasas sesebuah penempatan atau kerajaan kuno,

dan di manakah lokasinya pada hari ini? Mereka juga mahu mengetahui apakah corak atau sistem pemerintahan yang diamalkan, serta apakah juga faktor-faktor yang memundurkan, dan menjatuhkan penempatan atau kerajaan tersebut?


Nama penempatan atau kerajaan kuno itu tercatat dalam buku pengembaraan para pengembara zaman

lampau, sama ada dari Yunani, Itali, Arab, China mahupun India. Para sejarawan dan ahli arkeologi memang berminat mengesan tapak-tapak penempatan atau bekas kerajaan kuno itu dalam usaha membina semula sejarah sesebuah negara.

Begitu juga dengan Gangga Negara yang merupakan kerajaan kuno di Perak khususnya, dan di Malaysia amnya. Kerajaan Beruas dan Kerajaan Manjung wujud kemudian, iaitu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Maklumat berkenaan dengan Kerajaan Gangga Negara, Kerajaan Beruas dan Kerajaan Manjung tidak banyak diketahui. Ketiga-tiga kerajaan tersebut masih diselubungi begitu banyak misteri.



Pokok beruas ditanam di halaman Muzium Beruas untuk tatapan dan pengetahuan para pengunjung.



Kerja pengukuran kedalaman lesung batu (atas) dan kerja penelitian di makam Puteri Banian (bawah).



Pecahan seramik jenis coklat (atas kiri), pecahan seramik jenis biru dan putih, serpihan seramik biru dan putih, dan ketulan besi.



Meriam Beruas.

Satu pendekatan bersepadu dan berdisiplin diperlukan untuk membongkarkannya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Haji Abdul Hamid Zamburi, *Geographike Huphegesis*, buku tulisan Ptolemy pada sekitar tahun 150 Masihi ada menyebut tentang sebuah tempat bernama Coconagara yang terletak di Avrea Cheronese (Golden Khersonese/Semenanjung Emas, iaitu merujuk Tanah Melayu). Sebutan Coconagara, secara fonetiknya, seperti menyamai sebutan Gangga Negara. G. Coedes dalam *The Indianized States of Southeast Asia* berpendapat Coconagara terletak di tebing Sungai Dinding, sementara Kolonel Low pula mencadangkan Coconagara terletak di Sungai Dinding dan Beruas.

Sekiranya perkara ini tepat, bererti ketamadunan Melayu di Beruas telah wujud sekurang-kurangnya sejak abad kedua Masihi, iaitu merujuk tahun penulisan Ptolemy. Menurut catatan *Hikayat Merong Mahawangsa*, Gangga Negara, pusat kerajaan Melayu-Hindu yang terawal diketahui di Perak itu, telah diasaskan oleh anakanda Merong Mahawangsa dari Kedah, Raja Ganjil Sarjuna.

Disebabkan terdapatnya pelbagai versi tradisi lisan mengenai asal usul kerajaan ini, ada pula yang menyatakan Gangga Negara dibuka oleh Raja Khmer dan Kemboja.

Bagaimanakah Gangga Negara mendapat namanya? Gangga dipercayai bersempena dengan nama Sungai Ganges di India, sementara Negara bererti negeri dalam bahasa Sanskrit. Kerajaan ini dikatakan terletak di kawasan Beruas, selatan Gunung Bubu, ke arah timur Bukit Segari, dan di pinggir Sungai Dendang, yang turut merangkumi kawasan Pengkalan (Ipoh), Lembah Kinta, Bidor, Tanjung Rambutan, dan Sungai Siput, selain berubah-ubah yang dipercayai akibat daripada perubahan aliran sungai. Mengenai sebutan dan ejaan Negara atau Nagara, boleh sahaja disebut dan dieja Negara atau Nagara. Profesor Dr. Othman Yatim dan Profesor Nik Hassan Shuhaimi dalam buku *Beras Beruas Kerajaan Kuno di Perak*, menulis Negara.

Namun begitu, penemuan arca-arca Buddha menunjukkan Kerajaan Gangga Negara berpusat di Beruas pada abad ke-5 dan ke-6 Masihi. Ada pula pihak yang berpendapat kerajaan ini wujud



Lesung tangan lengkap dengan alu atau antan.

tidak lewat dari abad ke-2 Masihi. Beberapa penemuan artifak yang ada kaitan dengan peninggalan Kerajaan Gangga Negara telah ditemui beberapa tahun lalu di sekitar kawasan Beruas. Gangga Negara digantikan oleh kerajaan Melayu-Islam, iaitu Kerajaan Beruas, pada tahun 1346 atau 1347.

Kini Beruas hanya sebuah mukim kecil di daerah Manjung, meskipun berkurun-kurun sebelum itu Beruas merupakan tapak Kerajaan Gangga Negara dan Kerajaan Beruas yang

menjalankan kegiatan perdagangan antarabangsa. Kerajaan Gangga Negara dan Kerajaan Melayu Beruas gilang-gemilang dengan kapal dagang berlabuh. Bahtera yang mudik ke pelabuhan tidak terkira jumlahnya. Dari ketinggian istana di atas bukit, terpancar kemegahan dan kepesatan dua buah kerajaan di atas tapak yang sama, tetapi pada masa yang berbeza-beza.

Keluasan mukim Beruas adalah kira-kira 74.6 batu persegi atau 47 380 ekar. Di tengah-tengahnya mengalir Sungai Beruas dan Sungai Dendang. Beruas terletak kira-kira 90 kilometer dari Ipoh di antara Taiping dengan sebelah utara Blanja dari sisi dan Manjung dari selatan.

Terdapat juga beberapa versi mengenai asal usul nama Beruas. Menurut Husain Mahmud (1970: 2), nama Beruas dipercayai berasal daripada nama sejenis tumbuhan yang banyak terdapat di daerah tersebut. Berdasarkan sejarah

lisan, lokasi asal Beruas terletak di Pengkalan Bharu kerana di situ terdapat banyak pokok beruas.

Sebelum Beruas dikenali dengan namanya sekarang, tempat ini dikenali sebagai Belukar Sambang. Sambang, menurut *Kamus Dewan* bermaksud sejenis tumbuhan renek dan sarang lebah yang sudah kosong. Sambang juga bererti gersang. Pada masa dahulu, di tempat itu memang terdapat sebuah kawasan yang dipenuhi pokok-pokok kecil dan rendang. Padi juga pernah ditanam di situ, tetapi tidak menjadi. Mulai dari situlah masyarakat setempat menamakan tempat tersebut

saintifiknya *Garcinia hombromiana*). Buahnya juga menyerupai buah manggis. Tompok pada bahagian bawah buah itu seperti beruas-ruas (seperti pada buah manggis). Isi buah beruas juga tersusun rapi seolah-olah terdapat ruas-ruas tertentu.

Menurut satu lagi sumber (Jalil Miran, 1986: 3), Beruas dibuka oleh seorang anak raja dari Aceh (Samudera-Pasai dalam wilayah Aceh) pada abad ke-15, bernama Malik Al-Mansur, yang diusir keluar dari istana oleh abangnya, Sultan Malik al-Mahmud. Berdasarkan *Hikayat Raja-Raja Pasai* pula, selepas kemangkatan

Sebelum Beruas dikenali dengan namanya sekarang, tempat ini dikenali sebagai Belukar Sambang. Sambang, menurut *Kamus Dewan*, bermaksud sejenis tumbuhan renek dan sarang lebah yang sudah kosong. Sambang juga bererti gersang. Pada masa dahulu, di tempat itu memang terdapat sebuah kawasan yang dipenuhi pokok-pokok kecil dan rendang.

Belukar Sambang (Raja Sabaruddin Abdullah, 1986: 9).

Menurut satu lagi cerita lisan, kegersangan daerah seperti "padang jarak padang tekukur" itu terjadi akibat serangan Raja Rajendra Chola Deva I dari Coromandel, India sekitar tahun 1025-1026 Masihi. Kerajaan Gangga Negara musnah akibat serangan itu. Walau bagaimanapun, nama Belukar Sambang tidak berkekalan apabila penduduk di sekitarnya menemui sejenis pokok lain yang banyak tumbuh di belukar. Pokok yang mirip pokok manggis itu dikenali dengan nama beruas (nama

pemerintah Kerajaan Pasai, Sultan Muhammad Az-Zahir, ayahandanya, Sultan Malik Al-Salih (Merah Silu) menyatukan pemerintahan Kerajaan Samudera dan Kerajaan Pasai.

Sultan Malik Al-Salih menyerahkan takhta Kerajaan Pasai kepada Sultan Malik Al-Mahmud setelah kedua-dua putera Sultan Muhammad Az-Zahir dewasa. Takhta Kerajaan Samudera pula diserahkan kepada Sultan Malik Al-Mansur pada tahun 1336. Pada tahun 1346, Sultan Malik Al-Mahmud menyerang dan mengusir Sultan Malik Al-Mansur dari Kerajaan Samudera.



Anak dabus dan rantai besi dari Kampung Changkat Beruas dipamerkan di Muzium Beruas.

Hal tersebut dilakukan kerana Sultan Malik Al-Mansur mengambil seorang perempuan (kemungkinan gundik) dari istana Pasai milik Sultan Malik Al-Mahmud.

Selepas diusir, Malik Al-Mansur dengan beberapa orang pengikut baginda berlayar ke Semenanjung Tanah Melayu dan singgah di kawasan yang kemudiannya dinamakan Beruas. Mereka berhenti berehat di bawah sebatang pokok bernama beruas. Sumber tersebut boleh dipercayai kerana di sekitar kawasan Beruas memang terdapat banyak batu nisan Aceh.

Kini tidak terdapat lagi pokok beruas di sekitar pekan Beruas. Namun begitu, pokok ini masih banyak terdapat di sekitar Pengkalan Bharu dan Batang Kubu. *Sejarah Melayu* tulisan Tun Seri Lanang pada awal abad ke-15 Masihi menyebut nama Beruas

apabila Kerajaan Beruas ditakluki Kerajaan Melayu Melaka yang pada ketika itu di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488 – 1511 Masihi).

Terdapat juga bukti-bukti Kerajaan Beruas terletak di sebuah tempat bernama Kampung Kota, kira-kira tiga kilometer dari pekan Beruas. Antara kesan peninggalan yang masih dapat dilihat ialah pemakaman raja-raja lama serta tapak pintu gerbang.


Pada tahun 1986, masyarakat setempat mendakwa sebuah batu bersurat telah ditemui di persekitaran pekan Beruas. Justeru, Beruas dianggap sebagai tempat pertama didatangi Islam di Perak. Kajian ke atas batu nisan yang terdapat di kampung ini mendapati batu nisan tersebut sama dengan batu nisan makam puteri Sultan Muzaffar Shah I di Teluk Bakong, Perak Tengah. Batu nisan ini jenis yang digunakan oleh orang Aceh yang dibawa masuk dari daerah Kembayat atau Gujerat, India.

Berdasarkan persamaan seni pahat yang terdapat di kampung tersebut dengan batu nisan berbentuk ayat-ayat suci al-Quran, maka bolehlah diyakini bahawa Kerajaan Beruas telah diasaskan oleh orang-orang terdahulu yang memeluk Islam ataupun dari Melaka. Pada akhir kurun ke-15, Kerajaan Beruas berjaya mengembangkan kekuasaannya di sesetengah tempat di Nusantara. Oleh hal yang demikian, Beruas merupakan tapak awal pensejarahan peradaban Melayu Perak dan juga pusat kemasukan Islam serta mewujudkan sejarah Islam dan Melayu di Perak. Pembuktian artifak sejarah kewujudan dua buah kerajaan itu dipamerkan di Muzium Beruas.



Kerajaan Manjung pula dipercayai wujud pada sekitar abad ke-16 Masihi, atau mungkin lebih awal berdasarkan catatan dalam *Sejarah Melayu* yang mensahkan cerita berkenaan dengan menyatakan Sultan Mahmud Shah yang memerintah Melaka menghantar Bendahara Paduka Tuah membantu Kerajaan Beruas menyerang Kerajaan Manjung yang bersempadan dengannya.

Bantuan dari Melaka itu berjaya menewaskan Kerajaan Manjung lalu diletakkan di bawah Kerajaan Melaka dengan pengawasan Kerajaan Beruas. Justeru, mungkin Kerajaan Manjung ini yang disebut oleh Tome Pires sebagai "Perak" yang dikatakannya berhampiran dengan Beruas dan yang telah menjalankan pemerintahan serta perundangannya yang tersendiri. Kerajaan "Perak" itu juga menurut Pires lagi menghantar 4000 *timas* (timah) setahun ke Melaka. Berdasarkan *timas* yang dihantar ke Melaka itu, ternyata "Perak" (Manjung) ini ialah kerajaan yang lebih kecil daripada Beruas kerana Beruas menghantar 6000 *timas* setahun.



Peta Beruas dan persekitarannya.



Gambar batu nisan di makam Raja Beruas II (Kampung Kota).

Kali terakhir kita mendengar kisah Kerajaan Manjung adalah semasa Sultan Mahmud Shah memerintah Bentan. Apabila Melaka ditewaskan oleh Portugis pada tahun 1511, Raja Beruas yang turut memerintah Manjung datang menghadap Sultan Mahmud Shah untuk menyembahkan taat setianya. Apabila Bentan diserang dan dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1526, Sultan Mahmud Shah berundur ke Kampar. Sejak itu, tiada

lagi berita berkenaan dengan Kerajaan Manjung. Menurut cerita lisan beberapa orang penduduk di daerah Dinding, Kerajaan Manjung terletak di sebuah tempat yang sekarang bernama Kampung Segari, tetapi belum ada bukti-bukti sahah untuk menguatkan dakwaan mereka itu.

Hingga kini, Muzium Beruas mempamerkan kira-kira 280 buah bahan pameran meliputi bahan dalam bentuk tiga dimensi dan, dalam bentuk gambar bercetak yang merupakan koleksi muzium sendiri dan koleksi peribadi. Antaranya termasuklah batu penggiling yang ditemui di Kampung Pulau Meranti, lesung batu, pengisar tebu, dulang bijih timah yang diperbuat daripada kayu, meriam Beruas yang ditemui oleh penduduk kampung di Sungai Beruas pada tahun 1985, dan lesung tangan lengkap dengan alu atau disebut oleh orang Perak sebagai antan dan merupakan koleksi Muzium Beruas.

Terdapat juga koleksi pinggan dan mangkuk seramik yang bukan penemuan, tetapi koleksi muzium

sebagai perbandingan/contoh/gambaran bagi pecahan-pecahan seramik yang banyak ditemui di kawasan lapangan kajian, gambar anak dabus (koleksi peribadi), rantai besi (dari Kampung Changkat Beruas), serta sisipan (koleksi muzium) bukan jumpaan dalam kajian, gambar batu nisan di makam Raja Beruas II (Kampung Kota), dan gambar pecahan pinggan jenis celadon (ditemui di Kampung Padang Serai).

Muzium ini juga mempamerkan gambar pasu tembikar serta pecahan pasu dan tempayan tembikar, gambar batil tembaga (koleksi peribadi), bekas perasap kemenyan tembaga, kacip tembaga (dijumpai di Kampung Pengkalan Damar), pecahan seramik jenis coklat (dari Kampung Pulau Meranti), pecahan seramik jenis biru dan putih, serpihan seramik biru dan putih (Kampung Pengkalan Damar) dan ketulan besi (Kampung Tanjong Ara), serta gambar kerja pengukuran kedalaman lesung batu dan kerja penelitian di makam Puteri Banian (Kampung Batu Hampar). **DB**



Muzium Beruas bertujuan mengumpul, menyelidik, memelihara, mempamer, dan menerbitkan sejarah keagungan Kerajaan Gangga Negara dan Kerajaan Beruas.